

e-Buletin **KOPERASI**

SINOPSIS

Bil.3/2025



PROGRAM

SANTUNI MADANI KAMPUNG UJONG PERMATANG KUALA SELANGOR

#JualanMadaniKoperasi #SantuniMadani #KesejahteraanRakyat #KoperasiMalaysia

www.skm.gov.my

DITERBITKAN OLEH
BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Program Jualan Madani Koperasi (JMK) telah diadakan di Kampung Ujong Permatang, sebuah kampung di bawah Program Santuni Madani, pada 1 Mac 2025 (Sabtu). Program ini dilaksanakan sebagai usaha menyambut Ramadan dan membantu penduduk setempat mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), bersama YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM, dalam usaha memperkukuh peranan koperasi dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat.

DISKAUN 20% UNTUK BARANGAN ASAS

MK bertujuan membantu masyarakat mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih rendah, khususnya menjelang bulan Ramadan. Program ini menawarkan diskaun sebanyak 20% bagi pelbagai barangan asas, sekali gus mengurangkan beban kewangan penduduk setempat. Selain itu, manfaat secara kolektif turut dapat dirasakan melalui pengukuhan peranan koperasi dalam ekonomi tempatan, peningkatan daya saing perniagaan komuniti, serta pembangunan sosial yang lebih mampan.





SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH AGAMA

Sebagai sebahagian daripada program ini, pihak koperasi telah mengadakan lawatan ke Sekolah Agama Ujung Permatang dan menyampaikan sumbangan penghawa dingin yang disumbangkan oleh Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS). Sumbangan ini bertujuan meningkatkan keselesaan pelajar dalam sesi pembelajaran, mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif, serta membantu pelajar menumpukan perhatian dengan lebih baik, terutama dalam keadaan cuaca panas. Sumbangan koperasi ini amat bermakna dalam memastikan kemudahan pendidikan yang lebih selesa dan berkualiti untuk para pelajar.

KESEJAHTERAAN RAKYAT MENJADI KEUTAMAAN

JMK bukan sahaja membantu menjimatkan kos pengguna, tetapi juga menggalakkan peranan koperasi dalam merencanakan ekonomi tempatan dan pembangunan sosial. Sambutan menggalakkan daripada penduduk menunjukkan bahawa program ini sejajar dengan konsep MADANI, yang menekankan kesejahteraan dan keprihatinan terhadap rakyat.



1
DISEMBER
2024

e-Buletin KOPERASI

SINOPSIS

PROGRAM

SANTUNI MADANI

KAMPUNG UJONG PERMATANG KUALA SELANGOR

1 DISEMBER 2024 (AHAD)
DEWAN SERBAGUNA
KAMPUNG UJONG PERMATANG

DISEMPURNAKAN OLEH :
YBHG DATUK RUSLI BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Kehadiran Tetamu Kehormat

Majlis ini turut dihadiri oleh:

YBhg. Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail
Dato Paduka Mahabijaya Permatang
Orang Besar Daerah Kuala Selangor

YBrs. Tuan Haji Mohd Yahya bin Mat Sahri
Setiausaha Politik kepada Menteri Dalam Negeri
merangkap Penyelaras DUN Permatang

YBrs. Encik Hanis bin Zahari,
Penghulu Mukim Kuala Selangor

YBrs. Encik Abdullah bin Kamaruddin
Ketua Kampung Kampung Ujong Permatang

YBhg. Dato' Ahmad Sobri bin Wan Teh
Pengerusi Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu
Malaysia Berhad (MOCCIS)

